



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : DBP/434/100-15/1/10 K.3 (12)

Tarikh : 2 Januari 2018

YBHG. DATUK DR. CHAMIL WARIYA

Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysian Press Institut (MPI)
2945, Jalan Bukit Ledang
Jalan Tuanku Abdul Halim
50490 KUALA LUMPUR

YBhg. Datuk Dr.,

**PELANTIKAN SEBAGAI JAWATANKUASA PELAKSANA
PENCALONAN KUALA LUMPUR SEBAGAI IBU KOTA BUKU DUNIA
2020 (WORLD BOOK CAPITAL 2020)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk Dr., mesyuarat Majlis Buku Kebangsaan Malaysia pada 26 Disember 2016 telah bersetuju agar Malaysia mengemukakan pencalonan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku untuk tahun 2020 kepada pihak UNESCO.

3. Pengiktirafan ini diberi kepada bandar raya yang berjaya menggerakkan dan menghasilkan pelbagai program yang menghimpunkan industri penerbitan, penulisan serta menggalakan gerakan membaca. Program ini juga akan menggiatkan aktiviti pemuliharaan dan kepentingan warisan kesusasteraan, budaya dan kesenian sesebuah negara sekaligus menjadikannya sebagai tarikan pelancongan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Cadangan ini telah dimaklumkan kepada YB Menteri Pendidikan Malaysia pada 9 Jun 2017 dan beliau pada dasarnya telah bersetuju dengan cadangan ini.

4. Sehubungan dengan itu, saya berbesar hati melantik YBhg. Datuk Dr. sebagai ahli jawatankuasa Pelaksana Pencalonan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020. Sebagai ahli jawatankuasa, tugas utamanya ialah untuk mencadang dan merancang pembangunan projek ini serta menyelaras semua aktiviti yang berkaitan dengan pembacaan dan promosi buku sepanjang masa pencalonan berlangsung. Sekiranya Kuala Lumpur berjaya mendapat gelaran ini, aktiviti ini akan dilaksanakan dari tahun 2018 sehingga 2021.

5. Perhatian dan maklum balas daripada YBhg. Datuk Dr. adalah amat diharapkan dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' SRI ALIAS BIN HAJI AHMAD

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Ibu Kota Buku Dunia